



DR. MAHATHIR MOHAMAD menjawab pertanyaan pemberita selepas menghadiri Program Eksekutif Pengurusan Tertinggi Badan Berkanun Persekutuan Bersama Perdana Menteri di Putrajaya semalam. - BERNAMA

'Tunggu Guan Eng'

UM-28/1/2019 m/s: 2

Oleh YULPISMAN ASLI

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 28 JAN.

“Tunggu sehingga apa Guan Eng cakap”.

Itu reaksi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila diasak oleh media mengenai pendirian kerajaan berhubung projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang terus mencetuskan tanda tanya banyak pihak.

Beliau turut meminta pihak media “tunggu dan bersabar” ketika ditanya apa keputusan dan pendirian sebenar kerajaan berkenaan projek itu selepas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed

Azmin Ali mengeluarkan kenyataan bercanggah.

Malah ketika dimaklumkan kenyataan Mohamed Azmin yang sebelum ini mengumumkan bahawa kerajaan telah memuktamadkan pembatalan kontrak dengan China Communication Construction Company Ltd (CCCC) bagi projek berkenaan, Dr. Mahathir sebaliknya berkata: “Tunggu, tunggu lah.”

“Guan Eng dah buat kenyataan dah? Belum lagi, kita tunggu dia lah”.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Eksekutif Pengurusan Tertinggi Badan Berkanun Persekutuan bersama Perdana Menteri di sini hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Ismail

Bakar.

Mohamed Azmin kelmarin maklumkan kerajaan telah memuktamadkan pembatalan kontrak CCCC bagi projek ECRL yang digantung pada Julai 2018 pada mesyuarat Kabinet dua hari lepas.

Beliau berkata, keputusan itu diambil setelah meneliti semula kos dan mendapati projek itu terlalu besar serta di luar kemampuan kewangan kerajaan buat masa ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut menafikan penulisan surat menggunakan kepala surat kerajaan mengenai pembatalan projek ECRL itu.

“Kepala surat kerajaan semua orang boleh ambil, potong buat kepala surat. Ini bukan rasmi,” tegas beliau.